



# ARUS SAWIT SDN. BHD.

## POLISI ANTI RASUAH

Arus Sawit Sdn. Bhd. amat mencegah amalan rasuah dalam kalangan pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti pegawai, penyelia, pekerja, kontraktor, pembeli serta pihak berkepentingan. Polisi ini diwujudkan sebagai usaha memerangi rasuah dikalangan semua pihak menjalankan kerja secara telus, amanah, jujur dan adil bagi melancarkan urusan dan operasi di syarikat ini. Sebagai tambahan, ia juga bertujuan untuk menghentikan kegiatan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Polisi ini selaras dengan MSPO (MS 2530-3-2:2022) Principal 2, Akta 694 dan Akta syarikat 2016 serta Pindaan 2018.

Suapan boleh diterima atau diberi dalam bentuk:

- |                 |                                  |
|-----------------|----------------------------------|
| a. Wang         | g. Diskaun                       |
| b. Cagaran      | h. Harta benda                   |
| c. Fi           | i. Hadiah                        |
| d. Pertimbangan | j. Perlindungan daripada penalti |
| e. Perkhidmatan | k. Perjanjian                    |
| f. Jawatan      |                                  |

Bagi merealisasikan komitmen tersebut, ASSB akan mematuhi prinsip-prinsip pencegahan seperti berikut:

1. Semua bentuk rasuah tidak dibenarkan beroperasi di dalam syarikat ini.
2. Sekiranya individu ditawarkan rasuah hendaklah menolak tawaran tersebut dan melaporkan segera kepada pihak atasan atau pihak berkuasa.
3. Sekiranya individu mengetahui kegiatan rasuah aktif di dalam ASSB hendaklah melaporkan hal tersebut dengan segera kepada pihak atasan atau pihak berkuasa.
4. ASSB sentiasa memantau dan membaikpulih sistem yang lemah demi mencegah kegiatan rasuah dalam kalangan pihak yang terlibat dengan operasi mahupun urusan samada secara langsung atau tidak langsung di syarikat ini.
5. Pemalsuan dokumen demi menipu dan memperdaya mana-mana pihak untuk kepentingan syarikat mahupun peribadi adalah dilarang dalam syarikat ini.
6. ASSB akan menjaga dan melindungi maklumat peribadi individu yang memberi maklumat "*whistle-blower*" sekiranya individu tersebut membuat laporan mengenai kegiatan rasuah.
7. Kegiatan pengubahan wang haram "*money laundering*" demi membersihkan wang untuk menjadikan wang tersebut sah di sisi undang-undang juga tidak dibenarkan dalam ASSB.
8. Tindakan tegas akan diambil sekiranya individu tersebut terlibat dalam aktiviti rasuah samaada dilakukan secara langsung atau tidak langsung.

DR. LAWRENCE CHU  
Pengarah, Arus Sawit Sdn. Bhd.

Tarikh : 15 Julai 2022